

01/10/2003

Jasa PM terhadap Langkawi dibukukan

NAMA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sememangnya sukar dipisahkan jika menyebut Pulau Langkawi dan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima).

Sehubungan itu, syarikat penerbitan, Mutiara Grafik (M) Sdn Bhd (Mutiara Grafik), mengambil peluang menjual buku bertajuk The Wings Of An Eagle yang mengisahkan jasa Perdana Menteri di pulau pelancongan itu sempena Lima `03 yang bermula semalam.

Pengarah Mutiara Grafik, Saifuddin Abu Bakar, berkata buku 206 halaman itu ditulis bekas Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press Bhd (NSTP), Datuk A Kadir Jasin bagi menghormati jasa Dr Mahathir.

Buku itu memuatkan wawancara eksklusif Kadir dengan Perdana Menteri yang antaranya membincangkan hala tuju pulau lagenda itu.